

03/02/2002

Mampukah lagu puisi menembusi pemikiran rakyat?

Izle Ismail

LAGU puisi, siapakah peminatnya? Mampukah lagu ini menembusi pemikiran rakyat sekali gus diterima secara sejagat? Mampukah lagu puisi masa kini berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan lagu semasa? Seperti berjayanya Ebiyet G Ade menenggelamkan seketika irama dangdut melalui lagunya berjudul Camellia atau seperti Freddie Aguilar berjaya menawan dunia melalui lagu Child, bagaimana kedudukan lagu puisi kita?

Setiap karya yang terhasil pasti bertujuan. Karya tanpa tujuan adalah karya yang sia-sia. Antara tanda karya yang bertujuan adalah mendapat sambutan ramai, diterima masyarakat atau menjadi buah mulut yang sentiasa dibincangkan sama ada oleh golongan muda mahupun golongan tua.

Malaysia kaya dengan penyair yang berwibawa. Ada yang telah diterima pada peringkat antarabangsa seperti Usman Awang dan A Samad Said misalnya. Begitu juga kita mempunyai generasi pelapis yang meyakinkan dalam bidang ini. Kita ada nama seperti Zaen Kasturi, Rahimidin Zahari, Marsli NO dan banyak lagi.

Bagaimana dengan lagu puisi kita? Siapakah nanti akan menjadi pelapis generasi Ibrahim Bachik, Zubir Ali, Kop-ratasa, Ras Adibah Radzi dan Ahmad Ramli?

Puisi Malaysia masa kini umumnya berada pada tempatnya yang wajar. Tidak saja pemimpin politik tertinggi dalam negara seperti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membaca dan menulis puisi, orang korporat dan dari dunia dagang dan kewangan seperti Presiden Bursa Saham Kuala Lumpur, Datuk Salleh Majid pun ikut sama menulis dan membaca puisi. Tidak saja di rumah, tetapi di majlis besar anjuran penulis.

Sementara itu, kalau dulu tidak ada program atau rancangan puisi di media elektronik kita secara yang terancang, kini telah ada program yang seperti itu. Walaupun masih banyak yang boleh diperbaiki, namun permulaan yang ada adalah sesuatu yang amat baik.

Banyak orang berfikir apabila sesuatu itu disiarkan melalui kaca televisyen, maka dengan sendirinya ia mendapat khalayaknya. Dalam hal persembahan puisi di kaca televisyen waktu kini, kita melihat yang kurangnya ialah unsur televisyen itu sendiri yang tidak dititikberatkan sehingga program yang baik itu pada saya masih kurang mendapat sambutan.

Selain unsur televisyen yang kurang, persembahan puisi juga seperti persembahan lagu, kalau seseorang itu tidak dapat menyanyi dengan baik, maka dia tidak memperoleh khalayak. Demikian juga puisi. Justeru itu, memilih seseorang yang akan membaca puisi dan kemudiannya disiarkan melalui media televisyen, hendaklah jangan pakai tangkap muat saja.

Tidak sukar membaca puisi sebenarnya. Tapi kalau yang membacanya budak-budak sekolah, apalah yang hendak diharapkan. Kenapa misalnya tidak dipilih mereka yang benar-benar layak saja untuk muncul di televisyen, misalnya penyair itu sendiri. Dan selain penyair, kalaupun hendak ambil budak sekolah, pilihlah yang munasabah.

Kita berterima kasih kepada RTM khususnya Datuk Zainuddin Maidin yang bertindak secara proaktif mempopularkan lagu puisi. Bagaimana dengan stesen TV lain? Bagaimana dengan TV3 dan ntv7? Kalau RTM boleh mengadakan Deklamasi Puisi Angkasapuri 2001 dan dengarnya akan dilanjutkan lagi untuk tahun ini, tentulah ntv7 dan TV3 pun tidak mahu ketinggalan.

Dari segi bahan, kita memang banyak puisi yang baik yang belum dinyanyikan lagi. Kalau ribuan puisi yang ada tidak sesuai, kita boleh minta penyair kita menulis puisi yang sesuai dengan keperluan. Kita fikir

dari segi bahan tidak ada masalah. Yang ada masalah barangkali kreativiti penerbit kita di media elektronik itu sendiri untuk merancang satu program yang mendapat khalayak.

Berbalik kepada lagu puisi. Memandangkan kita kekurangan pelapisnya, hal ini patutlah kita fikirkan bersama. Tidak saja mereka yang terbabit dengan puisi secara langsung seperti Sani Sudin, Siso dari Koprata dan Zubir Ali saja yang mampu mencipta lagu puisi. Syarikat rakaman dan pencipta muzik kita pun boleh ikut sama dalam bidang ini. Seperti yang saya katakan tadi, kita ada banyak sajak, dari penyair ternama atau bakat baru yang boleh kita lagukan. Tidak saja boleh diusahakan penerbitan kaset dan CD, tetapi juga VCD.

Ke manakah kita hendak salurkan CD dan VCD yang kita terbitkan? Barangkali itu adalah pertanyaan dari syarikat rakaman. Menjawab soalan itu sebenarnya tidaklah payah, kerana kita mempunyai ribuan sekolah dan sedemikian banyak lagi jumlah pelajar yang mempelajari sastera. Kalau kita membuat CD dan VCD yang bermutu, dari bahan yang bermutu kita kira tidak ada masalah untuk dipasarkan.

Selain Koprata yang kelihatan kekal sehingga kini, beberapa ketika dulu ada beberapa orang yang merakamkan lagu puisi. Sayangnya selepas beberapa ketika berada di pasaran, lagu-lagu mereka, malahan penyanyi itu sendiri lenyap begitu saja.

Ada banyak faktor mengapa terjadi sedemikian. Pertama, mungkin ada penyanyi yang mengambil puisi orang lain dan mengatakan itu adalah puisi ciptaannya sendiri dan merakamkan ke dalam kaset sebagai lagunya.

Penipuan sedemikian diketahui orang kerana orang kita waktu kini pandai-pandai belaka. Lagipun perbuatan yang tak baik, yang tidak asli begitu memang apabila tiba waktunya akan lenyap begitu saja.

Sebab lain lagi ialah ada penyanyi yang merakamkan lagu puisi, sedangkan kalau kita membuat analisis lirik, lagunya sebenarnya bukan puisi.

Ataupun, kalau nak kata puisi juga mutunya bukan saja rendah malahan amat buruk. Jadi bagaimana akan mendapat sambutan dan akan bertahan lebih lama?

Ada pula yang kecundang kerana pendengarnya tidak meminati aliran puisi atau muzik yang diketengahkan.

Ada pula yang berpendapat lagu puisi kurang mendapat sambutan kerana tidak ada unsur komersial di dalamnya.

Apakah yang dimaksudkan dengan unsur komersial sebenarnya? Unsur komersial yang kita fahami sekurang-kurangnya ada tiga. Pertama seni kata sesebuah lagu itu baik. Dalam hal ini seni kata puisi memang tidak boleh dipertikaikan.

Kedua kita melihat aspek muziknya. Kalau aspek muziknya juga boleh diatasi, ertinya muziknya baik, bagaimana pula penyanyinya? Adakah penyanyi yang dipilih menyanyikan lagu puisi itu penyanyi terkenal, atau budak yang baru hendak menyanyi? Yang syok sendiri?

Selepas Ibrahim Bachik memperkenalkan lagu puisi, dan selepas Ibrahim Bachik berjaya berada pada mercu zamannya, untuk sekian lama lagu puisi boleh dikatakan layu tak bermaya, sehinggalah muncul Zubir Ali.

Dan Zubir pernah mencapai puncaknya apabila beberapa lagunya memperoleh tempat yang sewajarnya. Lagunya berjudul Penantian dan Doa umpamanya mendapat sambutan di luar dugaan.

Yang nyata, muzik ciptaan Ibrahim Bachik dan Zubir Ali berbeza. Selepas Zubir Ali muncul pula Koprata yang dalam perkembangannya telah melalui tahap tertentu sehingga lagunya berada pada tahap sekarang.

Dan dari peristiwa Ibrahim Bachik kemudian disusuli Zubir Ali, dan kemudiannya Koprata, yang jelasnya muzik mereka berbeza. Mereka yang ingin mencipta lagu dari puisi harus belajar banyak daripada pengalaman yang dilalui Ibrahim Bachik dan Koprata, terutama daripada aspek ciptaan muziknya.

Apakah gagalnya lagu puisi menembusi pemikiran rakyat kerana rakyat menganggap puisi perlukan tumpuan dan pemikiran? Apakah orang Malaysia malas berfikir? Apakah kegagalan diletakkan pada melodi yang dicipta dalam sesebuah puisi itu tidak menepati citarasa rakyat atau dengan kata lain lagu yang dipertaruhkan tersasar daripada kehendak pendengar?

Mungkin di kalangan pembaca atau yang terbabit secara langsung dalam hal ini menganggap lagu puisi mempunyai pengikutnya sendiri dan tidak boleh disamakan dengan lagu semasa. Kita boleh membuat pelbagai tanggapan namun soal benar tidaknya sukar ditentukan kecuali jika satu penyelidikan teliti dibuat. Dan dalam hal ini siapakah yang akan membuat penyelidikannya?

Selain daripada peranan yang dimainkan individu atau kumpulan seperti Zubir Ali dan Koprata, kita fikir organisasi penulis seperti Pena dan Gapena boleh memainkan peranan penting menerbitkan lagu puisi dengan lebih banyak. Ada banyak cara boleh dilakukan jika kita mahu. Pada peringkat nasional, Gapena boleh memilih beberapa puisi penyair terkenal tanah air seperti Usman Awang, A Samad Said, M Ghazali atau AS Amin dan memilih beberapa pencipta lagu untuk mencipta lagu puisi.

Selain Gapena, Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Ketua Pengarahnya Datuk A Aziz Deraman yang juga penyair tentulah mempunyai minat untuk menyambut gagasan ini. Tentulah puisi Aziz akan ikut sama dilagukan.

Pada peringkat negeri pula persatuan penulis negeri, melalui Gapena atau Dewan Bahasa dan Pustaka boleh memainkan peranan untuk menerbitkan lagu puisi mereka sendiri dengan mengumpulkan puisi dari penyair negeri. Dari Terengganu misalnya puisi JM Aziz, Mubin Ismail dan teman dari Pelita, Kelantan, puisi Norhisham Mustaffa, Wan A Rafar, Wadi Leta SA, Rahimidin dan banyak lagi boleh dipilih dan dicipta lagu serta dialbumkan.

Saban bulan di rumah Pena, acara baca puisinya pasti ada muka baru anak warga kota menyanyikan lagu puisi. Sebahagiannya mengorak langkah mengikut jejak Koprata melahirkan album baru. Mereka ini semua sebenarnya mampu berenang ke tengah laut kehidupan yang bergelombang jika diberi kesempatan yang sewajarnya.

(END)